

598:  
MAHATHIR

1975

MELAKA, 28 FEB. (BERNAMA) -- PENBENTUKAN SEBUAH MASYARAKAT TERPELAJAR YANG HIDUP LUMAYAN DAN BERSATU PADU ADALAH TUJUAN UTAMA DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN, KATA MENTERI PELAJARAN DR. MAHATHIR MOHAMAD.

MENURUTNYA, UJUDNYA SEBUAH MASYARAKAT SERUPA ITU AKAN MEMBOLEHKAN RAKYAT TERUS HIDUP DENGAN AMAN DAN MAKMUR.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN DI MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN JAWATAN-KUASA UMNO BAHAGIAN BATU BERANDAM, KOTA MELAKA SERTA BIRO-BIRO PELAJARAN EMPAT BAHAGIAN UMNO DI DEWAN MCA DISINI MALAM TADI.

KATANYA, KEDUDUKAN PELAJARAN DI NEGARA INI ADALAH JAUH LEBIH BAIK BERBANDING DENGAN LAIN-LAIN NEGARA DI RANTAU INI.

MENGENAI RANCANGAN PINJAMAN BUKU TEKS KERAJAAN, BELIAU BERKATA, KERAJAAN MERANCANG MENGGUNAKAN SESUATU BUKU ITU UNTUK SELAMA TIGA

TAHUN.

INI DAPAT MENJIMATKAN WANG DIGUNAKAN UNTUK RANCANGAN ITU YANG SEKARANG MENELAN BELANJA \$62 JUTA. -- BERSAMBUNG 1700/SZ

32

599:  
MAHATHIR 2 MELAKA

BELIAU MENGGESA IBUBAPA SUPAYA MEMBERI PERHATIAN BERAT TERHADAP MASAALAH PELAJARAN ANAK-ANAK.

DALAM LAWATAN SELAMA DUA HARI, DR. MAHATHIR TELAH MELAWAT JABATAN PELAJARAN NEGERI DAN BEBERAPA BUAH SEKOLAH DI NEGERI INI. -- BERNAMA 1702/SZ